

KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR DAN PERUBAHAN IKLIM

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
1.	<u>Projek gah sia-sia</u> Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (METMalaysia), Alui Bahari berkata, alatan yang dipasang kontraktor utama iaitu Astronautic Technology (M) Sdn Bhd (ATSB) terpaksa dilupuskan dengan persetujuan Kabinet ekoran beberapa factor khususnya aspek kos penyelenggaraan, keberkesanan dan ketahanan untuk beroperasi jangka panjang.	Berita Harian	Rujuk lampiran 1
2.	<u>Taking science and maths further</u> In 2015, the school embarked on an Inquiry-Based Science Education (IBSE) method for teaching science, under the auspices of the International Science, Technology and Innovation Centre (Istic)- which in turn is governed by Unesco, the La main a la pate Foundation (Lamap), France and the Academy Science Malaysia (ASM) – and this proved to be effective and successful.	The Star	Rujuk lampiran 2
3.	<u>Nuclear option should stay</u> With regard to our amang nightmare, one must note that the controversial Asian Rare Earth Factory commenced its operation in 1982 when there was actually no proper legal and regulatory framework in place to regulate the sitting, licensing and operation of the factory. We now have the Atomic Energy Licensing Board (AELB) as the nuclear watchdog as well as Act 304, which empowers AELB to function.	The Star	Rujuk lampiran 3

TEMPATAN

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
4.	<u>Eco Photon bukti kemampuan pelajar UiTM</u> “UiTM akan membawa Tuah ke pameran inovasi dan teknologi bagi membolehkan pengunjung menyaksikannya secara dekat, selain mendapatkan pendedahan serta memupuk minat bidang ini”,katanya.	Berita Harian	Rujuk lampiran 4
5.	<u>MAIA, Inacom jalin kerjasama sektor aeroangkasa</u> Presiden Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA), Naguib Mohd Nor, berkata usaha sama itu dilaksanakan selepas MAIA dan Persatuan Pembuatan Komponen Pesawat Indonesia (Inacom) menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU), di Kuala Lumpur, semalam.	Berita Harian	Rujuk lampiran 5
6.	<u>Pembuangan sisa pepejal ancaman terbesar dunia</u> Pembuangan sisa pepejal, terutama berasaskan plastik hanyut di laut dilihat menjadi antara factor penyebab kematian haiwan akuatik, khususnya membabitkan spesies penyu dan mamalia marin seperti paus, lumba-lumba dan dugong.	Berita Harian	Rujuk lampiran 6
7.	<u>3 komponen utama capai kelestarian alam sekitar</u> Beliau menjelaskan, “Di Malaysia, kami amat mengambil berat perihal alam sekitar. Sekitar 48 peratus daripada negara kami ialah hutan dara.	Berita Harian	Rujuk lampiran 7
8.	<u>Selat Melaka berisiko tsunami</u> Kesan gempa bumi di Sumatera, Indonesia berisiko kepada Semenanjung khususnya Selat Melaka untuk menerima tsunami pada masa hadapan.	Utusan Malaysia	Rujuk lampiran 8
9.	<u>Fuziah: PH govt is environment-friendly</u> Deputy Minister in the Prime Minister’s Department Fuziah Salleh has given assurance on government’s commitment in carrying out a	New Straits Times	Rujuk lampiran 9 atau klik pada tajuk berita

	review to ensure an environment-friendly operation of Lynas Malaysia.		
10.	<u>Plastic danger in eating fish</u> DISPOSAL of solid waste, in particular materials made from plastic, is seen to be the biggest environmental threat to the world, especially for countries surrounded by oceans, including Malaysia.	New Straits Times	Rujuk lampiran 10 atau klik pada tajuk berita
11.	<u>Sniffing out fakes</u> Unknown to many, fake and substandard biodegradable plastic bags are being widely used in the Federal Territories.	The Star	Rujuk lampiran 11
12.	<u>The rights skills for the Artificial Intelligence revolution</u> AI is developed to learn and think more like humans, and is used in specific fields including medical diagnosis, voice recognition, autonomous driving and smart city administration.	The Star	Klik pada tajuk berita

ANTARABANGSA

Bil	Berita	Media	Capaian Berita Penuh
13.	<u>Japan space probe lands new robot on asteroid</u> A Japanese probe landed a new observation robot on an asteroid on Wednesday as it pursues a mission to shed light on the origins of the solar system.	New Straits Times	Rujuk lampiran 12
14.	<u>Sulawesi terus ditimpa bencana</u> Pulau Sulawesi terus diancam bencana alam apabila Gunung Berapi Soputan yang terletak di daerah Minahasa, wilayah Sulawesi Utara meletus pagi semalam.	Kosmo	Rujuk lampiran 13 atau klik pada tajuk berita

15.	<u>Disaster death toll climbs to 1,407</u> About 1,407 people are now known to have died in the quake-tsunami that smashed into Sulawesi, Indonesia said, as police pledged to clamp down on looting by survivors taking advantage of the chaos.	The Star	Rujuk lampiran 14
16.	<u>Super fund alleged to have breached duties over climate change risk</u> Mark McVeigh, a 23-year-old ecology graduate and council worker from Brisbane, has ratcheted up his legal campaign against the super fund over its approach to climate change, accusing REST of breaching superannuation law by failing to act in his best interests.	The Sydney Morning Herald	Klik pada tajuk berita
17.	<u>Blockchain's potential in tackling climate change</u> The expert presented on the possible uses of blockchain technology in sustainability and climate action. The session focused specifically on SDG 13, which is to take urgent action to combat climate change and its impacts.	Open Gov Asia	Klik pada tajuk berita
18.	<u>Celebrating bold environmental leadership and a plastic-free future in India</u> For his leadership in the fight against plastic pollution in India, and his unwavering commitment to tackling climate change around the world, UN Environment has bestowed the United Nations' highest environmental honour upon Indian Prime minister Narendra Modi today, by awarding him the Champions of the Earth award.	UN Environment	Klik pada tajuk berita
19.	<u>Killing the environment</u> The filthy outside air that the average Dhaka dweller has become so accustomed to breathing is just one of the daily manifestations of the city's worsening environmental conditions.	The Daily Star	Klik pada tajuk berita

20.	<u>Saudi Arabia and Softbank continue work on multi-billion dollar renewable energy projects</u> Saudi Arabia's Public Investment Fund (PIF) is working with Softbank Vision Fund and other entities on a number of large-scale multi-billion dollar solar energy projects and denied a Wall Street Journal report that plans for a \$200 billion solar project were stalled.	The National	Klik pada tajuk berita
21.	<u>Miners turn to green power options</u> A rapid fall in the cost of solar and wind power has made renewable energy a viable alternative for miners, who need a huge amount of power to dig, crush and process the minerals needed for everyday life.	The Financial Times	Klik pada tajuk berita

LAMPIRAN 1 HARIAN METRO (SETEMPAT): MUKA SURAT 10 TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

SISTEM BOYA TSUNAMI

BOYA

- Sebahagian daripada Sistem Amaran Awal Tsunami Nasional Malaysia (SAATNM).
- SAATNM mempunyai tiga komponen utama iaitu pengumpulan data dan maklumat, pemrosesan serta penyebaran.

- Boya berfungsi untuk mengumpul data dan maklumat meteorologi, mengukur perubahan paras air laut serta mengesan gelombang tsunami.
- Dijalarkan dari Norway Berharganya kira-kira RM3 juta seunit.
- Dipasang secara berperingkat sejak 2005 selepas insiden tsunami menghujung 2004.

3 Satelit Inmarsat C

4 Stesen pantai

Data dari satelit dihantar ke unit di pantai. Jika berlaku tsunami, amaran dikeluarkan.

5 MMD

Data dari satelit dikongsi Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional.

LOKASI BOYA DIPASANG

AMARAN TSUNAMI

Amaran awal tsunami boleh menyelamatkan nyawa dan harta benda.

FUNGSI BOYA

- Setiap sistem boya dilengkapi komponen struktur asas lunas pengimbang, tiang dan sistem pembekal kuasa, penambat untuk dipasangkan ke dalam air dan pengesan.
- Ia termasuk pelatuk dasar laut, tsunameter, sistem telemetri akustik menghubungkan tsunameter dan boya serta sistem telemetri data satelit (Inmarsat C).
- Tsunameter akan dipasang pada sauh menggunakan pelatuk akustik bagi membolehkan unit berkenaan terendam di dasar laut.
- Alat itu akan berterusan mengukur dan menilai tekanan air di dasar laut. Semasa mod tsunami, data akan dihantar ke Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional untuk setiap minit, manakala setiap jam bagi mod biasa.

- Data yang diperoleh akan dianalisis dan jika berlaku tsunami, mod tsunameter secara automatik bertukar ke mod tsunami dan seterusnya data yang diceraap akan dihantar ke Pusat Operasi Cuaca dan Geofizik Nasional melalui satelit.
- Ujian operasi untuk melihat kemampuan boya berfungsi dijalankan bagi mengesan secara menyeluruh penghantaran data sistem komunikasi satelit bagi penghantaran data yang diperlukan.

- Data yang diperoleh dari boya dan tsunameter akan dikongsi antara Jabatan Meteorologi Malaysia (MMD) serta jabatan sama dari negara terbabit dalam kerjasama berkenaan.

Hidir Reduan dan Lugman Anif Abdul Karim
news@nsp.com.my

Kosela 10mpuan

Tiga boya laut dalam, berharga kira-kira RM7.2 juta yang sepatutnya menceraap data dan menyebarkan maklumat awal mengenai amaran tsunami seolah-olah seperti tukul dan terpaksa dilupuskan sepenuhnya kerana tidak lagi berfungsi.

Pemasangan peralatan menggunakan teknologi dari Norway itu dilakukan secara berfasa sejak 2006 merangkumi tiga lokasi perairan iaitu Laut Andaman, Laut Sulu dan Laut China Selatan bagi memastikan sebarang risiko tsunami berpunca daripada pergerakan kerak bumi di tengah laut berupaya dikesan lebih awal.

Projek boya tsunami atau tsunameter hasil kerjasama dengan Indonesia itu dilaksanakan susulan gempa melanda Aceh pada 2004 yang menamatkan lebih 230,000 orang dari 14 negara, termasuk Malaysia terkorban, sekali gus

EKSKLUSIF

PROJEK GAH SIA-SIA

Tiga boya amaran tsunami berharga RM7.2 juta tidak berfungsi terpaksa dilupuskan

terpilih sebagai bencana alam terburuk dalam sejarah. Bagaimanapun, fungsi boya tsunami pertama yang ditempatkan kira-kira 500 kilometer (km) dari Langkawi dan kira-kira 60 km dari Bandar Aceh, Indonesia di Laut Andaman pada 30 Disember 2005 didapati tidak memancarkan data setiap 15 minit, sebelum pemeriksaan lanjut mendapati alat itu hilang daripada pusat sauh. Alatan sama yang diletakkan berhampiran Pulau Layang-Layang, Sabah

dekat Laut China Selatan pada 7 Mac 2006 turut menemui nasib sama dan dikategorikan sebagai dilupuskan pertengahan 2017 lalu selepas alat berharga jutaan ringgit itu didapati hilang sama ada hanyut dibawa arus atau menjadi mangsa perbuatan vandalisme. Boya tsunami ketiga yang dipasang berhampiran Pulau Sipadan, Sabah dekat Laut Sulu pada 2010 pula tidak digunakan lagi selepas meletup ketika diselenggara di atas kapal MV Pendamar sehingga menyebabkan kematian ketua jurutera

warga Norway, Stig Erik Lyng. Kejadian pada jam 11.45 pagi itu berlaku ketika Lyng, 53, cuba membuka salah satu skru pada penutup pelampung dengan menggunakan alat penggerudi, sebelum objek berwarna hitam dilihat terbang keluar daripada pelampung itu anggara letupan dan mengenal kepalanya. Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia), Alti Bahari berkata, alatan yang dipasang kontraktor utama iaitu Astronautic Technology

(M) Sdn Bhd (ATSB) terpaksa dilupuskan dengan persetujuan Kabinet ekoran beberapa faktor khususnya aspek kos penyelenggaraan, keberkesanan dan ketahanan untuk beroperasi jangka panjang. Katanya, peralatan yang berharga kira-kira RM2.4 juta seunit itu memancarkan data menerusi satelit Inmarsat C setiap 15 minit, namun masa pelayatran maklumat akan berubah menjadi penetapan tsunami, sekali gus menghantar isyarat setiap seminit sekiranya wujud bacaan paras ombak luar biasa. "Fungsi seperti ini terpaksa dilakukan kerana ingin menjimatkan

penggunaan kuasa bateri. Justeru ia hanya akan aktif menghantar maklumat setiap minit kepada MET Malaysia apabila sistem pengesan merekodkan bacaan ombak tsunami. "Susulan lokasi alat ini di tengah laut, kos penyelenggaraannya dua kali seratus diletakkan mahal, menjangkau hampir RM500,000 selain terdedah kepada risiko perbuatan vandalisme, kecurian, kerosakan akibat terdedah kepada air laut atau ditanamkan arus deras," katanya. Susulan pertimbangan, Alti berkata, fungsi boya tsunami yang keberkesannya dipengaruhi pelbagai faktor luaran diambil alih oleh

mekanisme lain menggabungkan penggunaan tolak pasang surut, kamera pantai dan sistem siren yang dipasang secara berperingkat di seluruh negara. Untuk rekod, amaran tsunami kepada penduduk tempatan di Palu, Sulawesi baru-baru ini gagal pada peringkat akhir komunikasi sehingga menyebabkan kematian lebih 1,000 orang, menurut pusat penyelidikan Jerman yang membangunkan sistem amaran digunakan Indonesia. Berikutan itu, ramai membangkitkan persoalan bagaimana sistem amaran gagal berfungsi, selepas gempa bumi 7.5 magnitud di

luar pesisir Indonesia, Jumaat lalu. Jurucakap Badan Nasional Pengurusan Bencana, Sutopo Purwo Nugroho mengakui semua 22 boya laut tambahan yang disambungkan pada sensor di dasar laut bagi mengesan tsunami di perairan Indonesia tidak berfungsi sejak enam tahun lalu. "Kami mempunyai kira-kira 60 boya di Indonesia. Sesetengahnya rosak sejak 2012 kerana perbuatan vandalisme. Penduduk tempatan mencurinya," katanya. **ESOK: Mekanisme lain beri amaran awal tsunami**

LAMPIRAN 2

THE STAR (EDUCATION GUIDE): MUKA SURAT 7 & 8

TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

Taking science and maths further

THERE is a growing demand for job opportunities in the fields of science, technology, engineering and mathematics (STEM) but the industry is facing an ever shrinking talent pool.

In the US alone, it was reported that by 2024, there will be a shortfall of 1.1 million STEM workers and this phenomenon will be felt all over the world.

Although it was expected that teens would be encouraged to pursue STEM-related education for the highest likelihood of landing a secure job, in reality the opposite occurs.

Rather than increasing steadily, interest in STEM fields declined while demand for STEM-qualified graduates is predicted to grow substantially over the years – more so with the advent of today's buzzword, Industry 4.0.

There is a lacuna whereby the education system does not do a good job of informing students of STEM skills as opposed to STEM careers.

It was reported that the declining trend in interest towards STEM-related fields is more evident among teenage

boys compared to girls – due to the perception that STEM fields are too hard, with some fearing they will be unable to cope.

Young people should be encouraged to pursue technical careers, as non STEM-related jobs still rely on these subjects and will continue to be so. Graduates who have knowledge and skills in STEM will be in greater demand.

Equally important are knowledge and skills related to Ecology, or simply Eco – as global warming and sustainability are problems the world is currently wrestling with and may possibly be for upcoming generations. Efforts need to start in schools to inculcate the understanding of the various STEM and Eco aspects.

Sri Bestari Private School embarked on an Eco-niche agenda in 2012, which resulted in two Green Flag Awards from WWF-Malaysia and the Foundation for Environment Education, Denmark in 2015 and 2017.

TURN TO PAGE 8

LAMPIRAN 2 (SAMBUNGAN)
THE STAR (EDUCATION GUIDE): MUKA SURAT 7 & 8
TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)



Kindergarten children trying their hand in planting paddy.

Bestari goes all out to promote STEM education, eco principles

FROM PAGE 7

In 2015, the school embarked on an Inquiry-Based Science Education (IBSE) method for teaching science, under the auspices of the International Science, Technology and Innovation Centre (Istic) – which in turn is governed by Unesco, the La main à la pâte Foundation (Lamap), France and the Academy of Science Malaysia (ASM) – and this proved to be effective and successful.

On Sept 5, the school launched the Outdoor Science Lab, a dedicated Eco-Learning Corner and a Paddy Cultivation Plot to further enhance the institution's investment and efforts into promoting STEM education and eco principles among

its students.

Sri Bestari Private School led the STEM education agenda with continuous resource investments, teacher training and continuing professional development.

It ensures staff are kept abreast on the growth and developments, in order to guide its students towards a changing business and commercial environment.

Visit Sri Bestari Private School Info Day on Oct 6, from 9am to 1pm, to find out more.

There will also be a pre-Deepavali celebration in the spirit of Bestarian.

■ Call 03-6275 5888 to reserve a spot for the Info Day or visit www.sribestari.edu.my – special discounts are offered to those registered on that day.

LAMPIRAN 3
THE STAR (VIEWS): MUKA SURAT 29
TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

Nuclear option should stay

PRIME Minister Tun Dr Mahathir Mohamad recently lamented our traumatic experiences with radioactive materials (*amang*) during his special address at the recent Conference of Power and Electricity Supply Industry 2018 (CEPSI 2018).

He said that until today, scientists still haven't delivered an acceptable solution for the radioactive waste problem and then stressed that nuclear power should never be an option for Malaysia.

This feels like we are unwittingly turning the clock back to the 80s. This is because nuclear power is now widely acknowledged as the only proven solution for carbon-free base load electricity generation. Nuclear power was so popular in the last decade that there was even a brief period of global nuclear renaissance when climate change felt inevitable and the hike in crude oil prices seemed unending. Unfortunately, the Fukushima nuclear accident in 2011 put a spanner in the works. Nevertheless, 436 nuclear power reactors are still in operation in 31 countries around the globe. In addition, 55 new reactors are currently under construction. Even Japan, which closed down or suspended the operations of all of its nuclear power plants after the Fukushima disaster, has restarted a few plants to meet domestic electricity demands.

Germany, on the other hand, decided in 2000 to shut down all of its nuclear power stations. It now imports electricity from (ironically) nuclear-powered France while sweating over a creeping increment of carbon index due to higher reliance on fossil fuels.

All these demonstrate the importance of nuclear power in advancing national interest while helping mitigate the effects of climate change.

As such, the decision to completely forgo nuclear power without seriously studying its implications on preventing the worst consequences of climate change is uncharacteristic of the famously thorough Dr Mahathir.

This is because there are actually proven solutions to the radioactive waste problems. The first approach is by closing the nuclear fuel cycle loop (recycling of nuclear spent fuels), which France has been doing for decades and what Bill Gates' TerraPower is working on.

The second option is to store the high-level



radioactive wastes in a very long-term underground repository like in Finland, Sweden and France. This radioactive waste repository is like a treatment facility where the activated nuclear materials are physically stored and constantly monitored.

Unlike chemical waste which remains the same forever, radioactive waste decays according to its various half-lives. With time, its radioactivity abates and becomes manageable.

Nature has even demonstrated the success of this approach. At Oklo in Gabon, there were 16 self-sustaining nuclear fission reactors approximately 1.7 billion years ago.

These natural nuclear reactors are thought to have run for a few hundred thousand years, producing an average thermal power of less than 100 kW. These sites are today deemed safe for human activity.

With regard to our *amang* nightmare, one must note that the controversial Asian Rare Earth factory commenced its operation in 1982 when there was actually no proper legal and regulatory framework in place to regulate the

siting, licensing and operation of the factory. We now have the Atomic Energy Licensing Board (AELB) as the nuclear watchdog as well as Act 304, which empowers AELB to function.

Nevertheless, AELB and Act 304 are by no means perfect. AELB needs to be improved holistically to be able to properly regulate nuclear power plants while Act 304 must be amended to be in line with international standards and best practices.

Nuclear power is admittedly neither popular nor easy. But nuclear power, in tandem with renewable energy and long-term power storage, offers a comprehensive solution for a greener future.

As the threat of climate change feels very real, we should not recklessly abandon nuclear power just because we have had traumatic experiences with radioactive wastes.

Nuclear power should remain an option for Malaysia.

DR MOHD SYUKRI YAHYA
Bandar Baru Bangi, Selangor

LAMPIRAN 4 BERITA HARIAN (VARSITI): MUKA SURAT 56 TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

inovasi Eco Photon bukti kemampuan pelajar UiTM

● Kenderaan solar dihasilkan mampu tempuh jarak 3,000 kilometer

Oleh Faizatul Farhana Farush Khan
ffarhana@bh.com.my

Shah Alam

Kedua cuaca tidak mentu dan persaingan dengan 42 kumpulan ketika pertandingan Cabaran Bridgestone World Solar (WSC) 2017 di Australia, baru ini, tidak melemahkan semangat pasukan Universiti Teknologi MARA (UiTM) untuk mengharumkan nama negara apabila mencatatkan kejayaan dalam rekod Malaysia dan Asia Tenggara.

Dengan strategi dan kemahiran mantap dimiliki 24 ahlinya, pasukan dikenali sebagai UiTM Eco Photon itu berjaya menangkan cabaran untuk menggerakkan kenderaan berkuasa solar sehingga tiba di garisan penamat pada masa dan jarak ditetapkan.

Penyarah Kanan Fakulti Kejuruteraan Mekanikal UiTM, Dr Azli Abd Razak, berkata WSC ialah pertandingan inovasi peringkat antarabangsa yang menyaksikan pasukan dari seluruh dunia, berentap menghasilkan kenderaan elektrik berkuasa solar paling mampan untuk menggalakkan bidang teknologi penciptaan dan meletakkan nama mereka di persada dunia.

Kos hampir RM1 juta

Katanya, UiTM diwakili 24 mahasiswa daripada Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE), Fakulti Kejuruteraan Awam (FKA), Fakulti Kejuruteraan Sivil (FKS), Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media (FKM) serta Fakulti Sains Gunaan (FSG), bergabung kemahiran membangunkan inovasi kereta solar dinamakan Tuah.

"Inovasi ini dibangunkan sepenuhnya oleh mahasiswa bermula daripada cetusan idea, rekaan dan acuan sehingga penciptaan produk. Ini memberi kelebihan kepada pasukan untuk mengenal pasti dan memperbaiki masalah dengan kadar segera ketika pertandingan," katanya yang

juga penyarah pembimbing UiTM Eco Photon.

Azli berkata, penyertaan mahasiswa pada WSC memberi pelbagai nilai tambah kepada mereka, termasuk memperoleh ilmu tambahan di luar kelas, mengaplikasikan teori dipelajari, menonjolkan idea, mempromosikan diri ke peringkat antarabangsa dan menjadi graduan berkemahiran tinggi.

Sebelum layak ke pertandingan itu, katanya, pasukan berkenaan memperoleh pendedahan awal apabila perlu menghasilkan kertas kerja memaparkan perincian inovasi dibangunkan, seperti aspek rekaan dan keselamatan.

Beliau berkata, pembangunan inovasi selama setahun setengah dengan peruntukan kos hampir RM1 juta hasil tajaan universiti dan organisasi korporat itu turut memberi manfaat jangka panjang kepada masyarakat, terutama generasi muda untuk mengetahui teknologi diguna pakai.

"UiTM akan membawa Tuah ke pameran inovasi dan teknologi bagi membolehkan pengunjung menyaksikannya secara dekat, selain mendapatkan pendedahan serta memupuk minat bidang ini," katanya.

Sementara itu, ketua pasukan UiTM Eco Photon, Muhammad Syazwan Johari, 23, berkata sepanjang membangunkan dan mengetengahkan inovasi, kumpulan terbabit berdepan banyak cabaran, antaranya kekeangan masa antara kuliah dengan tugas terbabit, menyebabkan mereka sering berkumpul pada hujung minggu atau waktu malam untuk

Tuah kereta solar yang dihasilkan UiTM Eco Photon.

Ahli pasukan bersedia menguji kereta solar.

membincangkan perkembangannya.

Katanya, selain itu, sepanjang pertandingan lima hari itu, mereka perlu menggunakan cahaya solar untuk menggerakkan kenderaan pada waktu siang, manakala ketika malam atau cuaca mendung dan hujan, kuasa bateri harus diaktifkan.

Semangat berpasukan

Dalam memastikan kereta solar dihasilkan berjaya menamatkan persaingan pada jarak 3,000 kilometer seperti

ditetapkan, katanya, pasukan itu mengutamakan semangat berpasukan, tidak berputus asa dan memastikan kuasa bersesuaian dengan kelajuan disasarkan.

Rakan sepasukan, Muadz Sheafi, 22, berkata bagi melancarkan proses penghasilan projek inovasi terbabit, setiap ahli pasukan diberikan skop tugas mengikut pengetahuan bidang dipelajari supaya perancangan dapat diselesaikan secara teliti dan sebaik mungkin.

Mahasiswa FKM yang me-

megang jawatan sebagai Pengurus Strategi dan Projek itu berkata, penyertaan dalam WSC memberi peluang untuk berkongsi idea bersama rakan lain serta menambah pengetahuan berhubung bidang inovasi, selain dapat mempelajari ilmu berharga daripada produk dihasilkan pasukan dari negara lain.

"Penyertaan saya ini kerana minat mendalam terhadap bidang inovasi. Bidang berkenaan cukup menarik kerana dapat membantu manusia menyelesaikan masalah atau



Dr Azli Abd Razak



Muadz Sheafi



Muhammad Syazwan Johari

kekurangan sedia ada melalui penghasilan produk unik serta lebih baik.

"Komitmen UiTM menyediakan platform ini kepada mahasiswa cukup bagus kerana mampu meningkatkan kemahiran dimiliki kami, sekali gus menonjolkan produk berteknologi tinggi dihasilkan anak tempatan," katanya yang bertanggungjawab memantau pengurusan projek mengikut masa dan bajet ditetapkan, selain membantu merangka strategi UiTM Eco Photon.

LAMPIRAN 5
BERITA HARIAN (BISNES): MUKA SURAT 23
TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

MAIA, Inacom jalin kerjasama sektor aeroangkasa

➔ Usahasama babitkan pembangunan modal insan bagi raih kontrak gergasi industri

Oleh Ooi Tee Ching
bhbiz@nstp.com.my

Pengeluar komponen pesawat Malaysia dan Indonesia menjalin kerjasama untuk meningkatkan pembangunan modal insan dalam usaha memperoleh lebih banyak kontrak daripada gergasi industri seperti Airbus, Boeing dan Rolls Royce.

Presiden Persatuan Industri Aeroangkasa Malaysia (MAIA), Naguib Mohd Nor, berkata usaha sama itu dilaksanakan selepas MAIA dan Persatuan Pembuatan Komponen Pesawat Indonesia (Inacom) menandatangani satu memorandum persefahaman (MoU), di Kuala Lumpur, semalam.

Pengeluar utama

"Malaysia dan Indonesia kini meneroka pembangunan program pesawat di samping men-



Naguib (kanan) dan Presiden Inacom, Andi Alisjahbana selepas menandatangani MoU, di Kuala Lumpur, semalam.

jadi pengeluar komponen utama untuk syarikat pesawat komersial seperti Airbus dan Boeing," katanya kepada pemberita pada majlis berkenaan.

Majlis menandatangani MoU yang disaksikan oleh wakil Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE), diadakan sempena penganjuran Konvensyen Perniagaan Aeroangkasa Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIABC) edisi ketiga.

Eksport meningkat

Sementara itu, eksport pembuatan aeroangkasa Malaysia diunjur meningkat kepada RM9 bilion untuk tahun ini berbanding RM8.49 bilion yang direkodkan tahun lalu.

"Kami jangka pertumbuhan eksport sekurang-kurangnya lima peratus daripada tahun lalu berikutan tempahan pembuatan komponen pesawat tahun ini meningkat," kata Naguib.

Pada 2017, eksport aeroangkasa Malaysia melonjak 54 peratus kepada RM8.51 bilion daripada 2016, dengan eksport utama terdiri daripada komponen dan bahagian pesawat seperti sayap, ekor dan badan utama.

KLIABC 2018 selama tiga hari dianjurkan oleh MATRADE dengan kerjasama MAIA dan ABE France. Ia turut menerima penyertaan 150 organisasi industri aeroangkasa dari 21 negara.

LAMPIRAN 6

BERITA HARIAN (LAPORAN KHAS): MUKA SURAT 20

TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

Pencemaran laut ancam spesies hidupan marin

Muar: Pembuangan sisa pepejal, terutama berasaskan plastik hanyut di laut dilihat menjadi antara faktor penyebab kematian haiwan akuatik, khususnya membabitkan spesies penyu dan mamalia marin seperti paus, lumba-lumba dan dugong.

Kesan pencemaran laut itu turut mengancam spesies hidupan laut yang lebih kecil, termasuk pelbagai spesies ikan dan kerang yang menjadi antara sumber protein utama dalam rantai makanan kepada manusia.

Pensyarah Institut Oseanografi dan Sekitaran, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Uzair Rusli, berkata plastik sama ada dalam bentuk fizikal atau partikel yang lebih kecil atau dipanggil sebagai mikro plastik sering menjadi sasaran spesies hidupan air yang disangkakan makanan.

"Mengikut laporan Petugas Kebangsaan Rangkaian Kedamparan Mamalia Marin Malaysia, Institut Penyelidikan Perikanan (FRI), kebanyakan hasil autopsi terhadap haiwan marin akan menemui kesan plastik di dalam perutnya.

"Lebih membimbangkan, autopsi itu juga menemui plastik terbitan dalam bentuk fizikal dan bukan dalam keadaan mikro plastik di dalam perut haiwan terbitan. Ia juga menjadi penyebab kematian haiwan berkenaan," katanya ketika dihubungi NSTP.

Dr Mohd Uzair yang juga Ketua Unit Penyelidikan dan Pemuliharaan Penyu (SE-ATRU) UMT berkata, ancaman plastik hanyut ini sebenarnya memberi ancaman besar kepada penyu yang menjadikan obor-obor sebagai makanan mereka.

Haiwan keliru

"Haiwan marin ini akan keliru dan menganggap plastik ini adalah makanan mereka. Daripada rekod kematian, kita juga mendapati haiwan marin ini mengalami gangguan sistem pencernaan, seterusnya menyebabkan ia kehilangan selera makan.

"Ia juga turut menjadi penyebab terhadap kekurangan nutrisi di dalam badan haiwan terbitan, seterusnya membawa kepada kematiannya.

"Kesan plastik ini juga didapati boleh memberi kesan kepada sistem pernafasan haiwan marin ini khususnya penyu apabila terdapat kes plastik ini menghalang mereka daripada bernafas dan menyebabkan kematian," katanya.

Ditanya mengenai pencemaran ini juga boleh menjejaskan anak penyu, beliau berkata, pihaknya tidak menolak kemungkinan perkara itu boleh berlaku gaman memerlukan kajian lebih lanjut.

"Sifat anak penyu, mereka akan berenang sebaik masuk ke pantai. Anak penyu ini akan berenang secara tidak berhenti selama dua hari dan dalam tempoh dua hari itu pun, mereka tidak akan makan.

"Kemudian, selepas tempoh dua hari, mereka akan mula mencari makanan bersumberkan tumbuhan marin seperti rumput laut, plankton dan apa sahaja khususnya yang berada dalam keadaan terapung di dalam air dan kemungkinan turut menerima kesan daripada mikro plastik ini," katanya.



Ahmad meninjau kawasan pencemaran dan pembuangan plastik sekitar Parit Jawa dan Pantai Seri Menanti, Muar, baru-baru ini.



Haiwan akuatik seperti ikan dan penyu terdedah dengan ancaman plastik hanyut ini, terutama penyedut minuman kerana ia sering disalah sangka sebagai sumber makanan mereka"

Ahmad Ismail,
Pensyarah Jabatan Biologi
Fakulti Sains UPM

Pembuangan sisa pepejal ancaman terbesar dunia

➔ Bahan plastik tidak mudah terurai mudaratkan manusia, haiwan akuatik

Oleh Badrul Kamal Zakaria
badrukkamal@nstp.com.my

Muar

Pembuangan bahan sisa buangan pepejal, khususnya bahan yang diperbuat daripada plastik dilihat akan menjadi ancaman alam sekitar terbesar dunia, khususnya di negara yang dikelilingi lautan termasuk Malaysia.

Bahan plastik yang tidak mudah terurai berbanding sisa pepejal lain menyebabkan bahan buangan itu kekal lama, seterusnya memudaratkan bukan sahaja haiwan akuatik, tetapi juga manusia.

Pensyarah Jabatan Biologi Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Dr Ahmad Ismail, berkata haiwan akuatik seperti ikan dan penyu sememangnya terdedah dengan ancaman plastik hanyut ini, terutama penyedut minuman ke-

rana ia sering disalah sangka sebagai sumber makanan mereka.

"Plastik, khususnya dalam bentuk botol atau penyedut minuman yang hanyut di lautan ini lama kelamaan akan pecah menjadi partikel yang lebih kecil dan partikel itu juga akan dimakan oleh haiwan marin kerana menyangkakan ia makanan mereka.

Tindak balas kimia

"Lebih membimbangkan, kesan plastik yang dimakan oleh ikan umpamanya boleh menyebabkan berlakunya tindak balas kimia di dalam badan ikan itu yang kemudian diserap ke dalam tisu ikan dan ia pula dimakan pula oleh manusia itu sendiri," katanya.

Beliau yang juga Presiden Persatuan Pencinta Alam Malaysia (MNS) berkata demikian kepada NSTP ketika melakukan pemerhatian mengenai tahap di beberapa kawasan pesisir pantai di daerah ini, baru-baru ini.

Tinjauan NSTP di lokasi pantai terbitan juga mendapati banyak kesan sisa buangan plastik ditemui dengan mudah di kawasan pantai dengan kebanyakannya terlekat pada ranting dan di celah akar pokok bakau yang menunjukkan ancaman ini semakin membimbangkan.

Ia sekali gus menjadi bukti setiap sisa buangan yang dibuang ke dalam laut akan kembali ke daratan dan pada masa

sama boleh memberi kesan kepada ekosistem alam yang lain.

Lebih membimbangkan, pencemaran laut berkenaan juga secara tidak langsung boleh memberi ancaman besar kepada industri perikanan negara kerana ia juga berupaya merosakkan imbangan ekosistem di laut hingga menyebabkan populasi ikan berkurangan.

Dr Ahmad berkata, lebih membimbangkan, sisa buangan plastik ini boleh berlaku dan memberi kesan kepada mana-mana tempat sahaja kerana sifatnya yang akan mengikut arus laut.

"Sisa buangan plastik ini boleh jadi dibuang dari negara kita sendiri atau mungkin dari negara lain. Setiap plastik yang dibuang ke dalam laut akan mengikut arus laut sebelum sampai ke tepi pantai.

"Tetapi harus diingat, ketika perjalanan sampah plastik ke tepi pantai ini, ia akan memberi kesan kepada hidupan marin seperti ikan paus, penyu, ikan lumba-lumba, burung camar dan ikan biasa yang kita makan," katanya.

Beliau berkata, sebagai sebuah negara yang dikelilingi lautan, Malaysia juga tidak akan terlepas daripada berdepan isu yang kini dianggap sebagai masalah global yang perlu ditangani secara bersama.

Urus sisa buangan

"Apa yang patut kita tekankan

sekarang ialah mengenai bagaimana kita menguruskan plastik dan sisa buangan. Ini kerana kita tidak dapat lari daripada plastik kerana ia adalah antara satu bahan yang sangat cekap dalam kegunaan manusia seharian.

"Kecekapan itulah yang menyebabkan plastik digunakan di merata-rata tempat sama ada sebagai pembungkusan sesuatu produk seperti makanan atau sebagai alat untuk membawa sesuatu barang," katanya.

Dr Ahmad berkata, pihak berwajib perlu melihat semula bagaimana untuk menguruskan sisa buangan plastik itu sendiri termasuk memperluaskan program kitar semula ke seluruh negara.

Katanya, perkara ini perlu dilakukan dengan serius termasuk memberi kesedaran kepada seluruh lapisan masyarakat mengenai isu ini kerana ia turut memberi risiko kepada kesihatan manusia pada akhirnya.

"Kita kena membudayakan amalan kitar semula ini dan bersama menjaga alam sekitar termasuk tidak membuang mana-mana sisa buangan ke dalam laut.

"Sebab benda ini juga bercun. Apabila ia (plastik) masuk ke dalam air dan kita pula yang makan ikan itu, maka racun itu boleh berpindah kepada manusia. Akhirnya kita akan terdedah kepada jerat yang kita sendiri buat," katanya.

LAMPIRAN 7
BERITA HARIAN (DARI KACA MATA): MUKA SURAT 10
TARIKH: 4 OKTOBER 2018 (KHAMIS)

3 komponen utama capai kelestarian alam sekitar



Pada masa ini negara masih memiliki sekitar 48 peratus hutan simpan kekal dan sebahagian besarnya berada di kawasan pergunungan. Ini adalah jumlah yang sangat luas berbanding dengan kebanyakan negara maju"

Rakyat terharu mendengar ucapan Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNGA) di New York, Jumat lalu. Beliau menyentuh hampir semua isu besar yang sedang mengancam kesejahteraan dunia, khususnya kegawatan ekonomi, sosial dan politik.

Begitupun, beliau tidak lupa menyentuh isu alam sekitar dan kelestarian. Beliau menjelaskan tidak adil bagi kebanyakan negara maju menuduh Malaysia tidak menghormati alam sekitar dan memulihara kepelbagaian biologi hanya kerana kita mempelopori industri kelapa sawit secara besar-besaran.

Beliau menjelaskan, "Di Malaysia, kami amat mengambil berat perihal alam sekitar. Sekitar 48 peratus daripada negara kami ialah hutan dara. Mampukah penentang kami membuat dakwaan sama mengenai negara mereka?"

Kenyataan ini membawa mak-

